

UNTUK SIARAN SEGERA**5 Ogos 2025****Berbillion Dipertaruhkan, Hutan Terancam*****Perarakan untuk Hutan: Organisasi Sivil Tuntut Pembiayaan, Perlindungan dan Akauntabiliti untuk Hutan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)***

Kuala Lumpur, 5 Ogos 2025 — Malaysia berisiko kehilangan pembiayaan hutan berjumlah berbillion ringgit, amaran daripada Greenpeace Malaysia disertai satu gabungan organisasi-organisasi civil semasa perarakan aman ke Parlimen untuk menyerahkan memorandum tuntutan untuk Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Memorandum yang diserahkan menjelang Hari Masyarakat Orang Asal Sedunia (9 Ogos), menggesa komitmen yang berani dalam RMK13, dengan menggariskan lima langkah tindakan untuk menutup jurang dasar dalam tadbir urus hutan, dan menjamin hak masyarakat Orang Asli dan Asal. Tanpa reformasi ini, Malaysia berisiko menggagalkan peluang untuk mendapatkan pembiayaan iklim jangka panjang antarabangsa di bawah mekanisme Tropical Forest Forever Facility (TFFF), yang dijadualkan akan dilancarkan secara rasmi semasa sidang kemuncak iklim COP30 pada November ini.

Lima Tuntutan Utama:

- Peta hutan bersepadau dan Daftar Hutan Dilindungi yang dipersetujui oleh semua negeri;
- Hab Pemantauan Hutan Kebangsaan berdasarkan satelit yang boleh diakses oleh masyarakat sivil;
- Dana Akses Terus untuk masyarakat Orang Asli dan Asal, dan komuniti tempatan;
- Mekanisme pemantauan pembiayaan hutan yang telus di bawah struktur kerajaan sedia ada; dan
- Komitmen awam yang jelas untuk Malaysia menyertai TFFF.

Kelima-lima tuntutan ini sejajar dengan [tiga tonggak utama RMK13](#), iaitu tadbir urus yang baik, daya tahan ekonomi melalui kepelbagaiannya, serta pembangunan inklusif dan responsif.

Perarakan dari Taman Tugu ke Parlimen melambangkan seruan lebih besar untuk keadilan, pengiktirafan dan akauntabiliti terhadap krisis iklim. Komuniti Orang Asli dan Asal, yang telah lama mempertahankan hutan Malaysia, masih diketepikan daripada proses pembangunan dasar nasional, walaupun mereka berada di barisan hadapan dalam usaha pemuliharaan hutan.

Antara Ahli Parlimen dan Menteri yang menerima memorandum termasuk Ahli Parlimen Bakri Tan Hong Pin, wakil Ahli Parlimen Masjid Tanah Mas Ermieyati Samsudin, serta wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Greenpeace Malaysia juga dijadualkan bertemu pemangku Menteri NRES dan Menteri Perladangan dan Komoditi, Johari Abdul Ghani untuk menyerahkan memorandum ini.

Juru Kempen Kanan Greenpeace Malaysia, Tharma Pillai berkata:

“Ini bukan sekadar soal mendapatkan pembiayaan. Ini adalah tentang membuktikan kredibiliti Malaysia sebagai peneraju iklim yang melindungi hutan serta barisan hadapan yang telah menjaganya sejak turun-temurun. Dengan COP30 yang semakin hampir, RMK13 merupakan peluang untuk menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi, tanggungjawab alam sekitar dan penyertaan masyarakat Orang Asal boleh bergerak seiring — asalkan disokong oleh akauntabiliti dan ketelusan yang sebenar dalam tadbir urus hutan.”

Presiden Persatuan Aktivis Sahabat Alam - KUASA Perak, Siti Hawa Abd Wahid berkata:

“Kebimbangan utama dalam usaha pemuliharaan ialah kita tidak mempunyai pembiayaan yang mencukupi untuk melindungi hutan dan barisan hadapan kita. Tetapi peluang di luar sana memang banyak. Apa yang kita perlukan ialah sebuah kerajaan yang proaktif dalam mencari pembiayaan. Kita sendiri juga perlu bersikap proaktif.”

Aktivis dan Seniman Orang Asli Temuan, Shaq Koyok berkata:

“Sebagai wakil masyarakat Orang Asli, saya ingin menegaskan bahawa kami memerlukan sokongan kewangan yang bermakna untuk melindungi hutan kami. Kita perlu menubuhkan badan-badan bebas yang boleh menyumbang kepada pemantauan hutan, dan kita perlukan pembiayaan jangka panjang yang kukuh supaya kerja-kerja kami menjadi lebih berkesan. Sokongan yang nyata dan langsung amat penting, bukan sekadar janji jika kita benar-benar serius mahu melindungi hutan yang menjadi sumber kehidupan kami.”

Organisasi masyarakat civil yang terlibat dalam penyerahan memorandum ini ialah Greenpeace Malaysia, SAVE Rivers, Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), RimbaWatch, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Jaringan Ekologi dan Iklim (JEDI), Kolektif Iklim, Parti Sosialis Malaysia, Youths United For Earth (YUFE), dan The Artivist Network.

-TAMAT-